



## Kempen kesedaran 90 hari VAW

**BERDASARKAN** statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), bilangan kes keganasan rumah tangga yang telah dilaporkan sehingga bulan September 2014 adalah sebanyak 3,673 kes berbanding 4,123 kes pada tahun 2013.

Pada tahun 2013, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah mengadakan Kempen 60 Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita (VAW) bermula pada 12 Oktober 2013 hingga 10 Disember 2013.

Pelaksanaan kempen ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya isu berkaitan penganiayaan terhadap wanita dan peranan semua pihak dalam menghapuskan segala bentuk keganasan terhadap wanita.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, hasil pelaksanaan kempen tersebut, statistik daripada PDRM menunjukkan peningkatan sebanyak 635 kes (15 peratus) daripada 4,123 kes pada tahun 2013 berbanding tahun 2012 iaitu 3,488 kes.

Peningkatan kes yang dilaporkan, katanya, menunjukkan tahap kesedaran rakyat Malaysia khususnya golongan wanita telah meningkat dan mereka kini berani untuk tampil mem-

buat laporan terhadap kes-kes keganasan yang berlaku.

“Sebagai langkah untuk meningkatkan kesedaran yang berterusan pada tahun ini, Kementerian mengambil pendekatan untuk melanjutkan tempoh kempen daripada 60 hari pada tahun 2013 kepada 90 hari pada tahun ini (bermula pada 2 Oktober 2014 sehingga 30 Disember 2014).

“Sepanjang tempoh kempen ini, pihak KPWKM telah mengadakan Program Wanita Anti Jenayah (WAJA) di 222 buah kawasan Parlimen di samping mengadakan seminar dengan memberi keutamaan kepada penglibatan daripada peserta golongan lelaki,” katanya.

Dalam pada itu, selain beberapa langkah yang telah diambil, pihak Kementerian secara berterusan turut melaksanakan Program *Walk-About* Kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita melibatkan institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan, badan swasta dan lain-lain seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Terminal Bersepadu Selatan (TBS), Central Market, Amanah Raya Berhad (ARB), Akademi Seni Budaya dan Warisan (ASWARA), Avon Cosmetics, Zuco Fashion, Dor Rue dan Tim Body Care.

### info

#### SENARAIKAN PROGRAM DAN HUBUNGAN KERJASAMA DENGAN KORPORAT YANG TELAH DIADAKAN SEPANJANG TAHUN 2014

- Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2014 - AVON; Petronas Malaysia; Bank Rakyat; Tesco; Amanah Raya Berhad (ARB); Women of Jannah (WOJ); Mondelez; AIG Insurance
- Sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2014 - AVON; Dutch Lady; Zalora.com; Zuco Fashion; Tim Body Care; Managemnt & Science University (MSU); TM4U; Shin Ju Pearl; Dr Muhaya Eye & Lasik Centre
- Sambutan Hari Antrabangsa Menangani Keganasan Terhadap Wanita 2014 - AVON; Terminal Bersepadu Selatan (TBS); Central Market; Amanah Raya Berhad (ARB); Zuco Fashion; KickStart Academy
- Projek SURI@ Coca-Cola (Sertai Usahawan, Realisasikan Impian) - Coca-Cola Malaysia
- Microfranchise - SME Corp
- FlexiWorkLife Program - TalentCorp Malaysia